

0068

U 8797 DEB

MAHATHIR - GAJI 1985

KUALA LUMPUR, 29 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENOLAK LANGSUNG PERMINTAAN CUEPACS MENGENAI KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM.

INI TERBUKTI DENGAN USAHA KERAJAAN MENYEDIAKAN KERTAS KABINET MENGENAI SEMUA ASPEK PENYEMAKAN GAJI DAN PERKHIDMATAN KAKITANGAN AWAM, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, SUBANG.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM BARU-BARU INI MENGUMUMKAN BAHAWA SATU KERTAS KABINET SEDANG DISIAPKAN DAN AKAN DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT KABINET BULAN DEPAN SETELAH DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMBALI DARI LUAR NEGERI.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, APA YANG PENTING DALAM ISU TUNTUTAN GAJI CUEPACS ITU IALAH KESATUAN-KESATUAN SEKERJA HARUS MEMBERI PERHATIAN UTAMA KEPADA KEADAAN EKONOMI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA.

+ SAYA PERCAYA PARA PEMIMPIN CUEPACS MERUPAKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN MEREKA TENTUNYA TIDAK MAHU MELIHAT NEGARA INI JATUH BANKRAP,+ TEGASNYA. -- LAGI
2106MST 29 04 85

0069

U 8798 DEB

MAHATHIR - GAJI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BERSEEDIA MENEMUI PEMIMPIN-PEMIMPIN CEUPACS TETAPI + SAYA TIDAK MAHU MENGIKAT DIRI SAYA DALAM PERTEMUAN ITU KELAK.+

KATANYA ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENIMBANGKAN KESEMUA PERMINTAAN DARIPADA KAKITANGAN AWAM KERANA BERBUAT DEMIKIAN AKAN MEWUJUDKAN KEADAAN SUKAR DALAM KEWANGAN NEGARA.

+ SAYA PERCAYA CUEPACS ADALAH SEBUAH KESATUAN SEKERJA YANG BERTANGGUNGJAWAB YANG SENTIASA MEMENTINGKAN KEBAJIKAN NEGARA. MEREKA BUKANNYA SEPERTI KESATUAN SEKERJA PELOMBONG DI BRITAIN. PEMIMPIN-PEMIMPIN CEUPACS ADALAH PEMIMPIN YANG BERTANGGUNGJAWAB,+ TEGASNYA.

KEPADA SATU SOALAN DARIPADA PARA PEMBERITA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERTAS KABINET ITU AKAN DAPAT DISIAP DAN DIBINCANGKAN SEBELUM 15 MEI.

CUEPACS TELAH PUN MENETAPKAN BAHAWA SEKIRANYA SATU KEPUTUSAN TIDAK DICAPAI SEBELUM TARIKH ITU BERTUBUNG DENGAN TUNTUTAN KAKITANGAN ARTISAN, IA AKAN MENGADAKAN PIKET DAN BETERUSNYA MENGEDARKAN UNDI SULIT KEPADA ANGGOTANYA UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN SELANJUTNYA. -- LAGI
2110MST 29 04 85

MAHATHIR - GAJI 3 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, APA YANG PENTING MENGENAI TUNTUTAN GAJI ITU, IALAH SAMA ADA KERAJAAN MAMPU MEMENUHI SEGALA YANG DIMINTA MEMANDANGKAN PENDAPATAN NEGARA SEKARANG.

+JIKA SESUATU PIHAK BERSEEDIA MENYERAHKAN BAHAGIANNYA UNTUK DIBERIKAN KEPADA PIHAK YANG LAIN, SAYA RASA TIDAK AKAN BERLAKU SEBARANG MASALAH TETAPI DALAM KEADAAN SEKARANG TIDAK ADA PIHAK YANG SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN.

+KEWANGAN NEGARA BUKANLAH WANG KERAJAAN, TETAPI ADALAH WANG RAKYAT DAN NEGARA YANG DIAMANAHKAN KEPADA KERAJAAN UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT DAN NEGARA SENDIRI.